

**Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan  
Program Usahawan Muda  
Di Maktab Rendah Sains MARA**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau keberkesanan pelaksanaan Program Usahawan Muda (PUM) di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Keberkesanan pelaksanaan PUM ditinjau dari empat sudut iaitu i) kesediaan GPP melaksanakan PUM, ii) Kesediaan pelajar PUM melaksanakan PUM, iii) Kesan pelaksanaan PUM ke atas pencapaian akademik pelajar PUM dan iv) Masalah yang wujud dan menghalang keberkesanan dalam melaksanakan PUM di MRSM. Sampel kajian ini terdiri daripada 11 orang GPP dan 120 orang pelajar tingkatan empat aliran sains dari empat buah MRSM.

Dua instrument kajian dalam bentuk soalselidik iaitu satu soalselidik untuk guru dan satu soalselidik untuk pelajar digunakan bagi tujuan mengumpul data. Instrumen kajian ini telah terlebih dahulu diuji menerusi kajian rintis dan disahkan oleh seorang pakar yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PUM bagi menentukan kesesuaian soalan yang dikemukakan. Di samping itu kebolehpercayaan instrument kajian juga turut ditentukan. Analisis data dilakukan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi.

Keputusan kajian menunjukkan bahawa kursus GPP yang telah guru hadiri masih belum memadai untuk membantu GPP memahami sepenuhnya prosedur melaksanakan PUM dengan berkesan. Walau bagaimanapun majoriti guru mampu melaksanakan PUM mengikut prosedur yang disyorkan. Manakala kebanyakan pelajar PUM pula telah bersedia untuk terlibat dengan PUM.

Antara faktor yang boleh menghalang keberkesanan pelaksanaan PUM ialah (i) masa yang tidak mencukupi, (ii) sukar menentukan ciri keusahawanan yang akan diajar, (iii) bilangan pelajar terlalu ramai dalam sesebuah syarikat PUM, (iv) ciri keusahawanan yang hendak diajar terlalu banyak, (v) GPP sukar mendapatkan bahan rujukan PUM, (vi) sikap negatif pelajar, (vii) pelajar yang pasif, (viii) kurang mendapat kerjasama pelajar, (ix) tiada pemantauan dilakukan oleh pihak penganjur(BPM).

Akhir sekali implikasi kajian dan beberapa cadangan kajian lanjutan turut dibincangkan.

**The Evaluation of The Effectiveness of The Implementation of  
The Young Entrepreneurs Programme  
In The MARA Junior Science Colleges**

**ABSTRACT**

The purpose of this study is to assess the effectiveness of the implementation of The Young Entrepreneurs Programme in MARA Junior Science Colleges. Four aspects of the implementation of the young entrepreneurs programme was studied.. The four aspects were (i) teachers' understanding of procedures in carrying out the young entrepreneurs programme after having attended relevant courses, (ii) teachers' ability in carrying out the young entrepreneurs programme, (iii) students' willingness to implement the young entrepreneurs programme, and (iv) factors which hinder the effectiveness of the implementation of the young entrepreneurs programme.

The sample of the study consisted of 11 teachers and 120 form IV science students from four MARA Junior Science Colleges in the northern zone of the Malaysia peninsular. Two sets of instruments in the form of questionnaires, one for the teachers and another for students were used to collect data. Both instruments were validated through a pilot test to determine the validity of the items. The reliability of the instruments were also determined. The data was analyzed using descriptive and inference statistics.

The results of the study showed that the young entrepreneurs programme courses, which the teachers have attended were insufficient to help them to understand all procedures in the implementation of the young entrepreneurs programme. However, the majority of the teachers felt that they were capable of carrying out the young

entrepreneurs programme in their college according to the procedures suggested. It was also found that the majority of the students showed willingness to implement the young entrepreneurs programme.

The constraints that hinder the effectiveness of implementing the young entrepreneurs programme in MARA Junior Science College from the teachers' perspective were attributed to (i) insufficient time, (ii) the difficulties of involving in determining the entrepreneurs' characteristic to be taught, (iii) big size of the young entrepreneurs programme company, (iv) large number of elements will be taught, (v) not available for teachers' research materials, (vi) students' negative attitude, (vii) passive students, (ix) lack of co-operation from students and the implementation of the young entrepreneurs programme in MARA Junior Science College was only rarely monitored.

Finally, the implementation of the study and the various suggestion to further research were also discussed.